

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGGAL PERTAMA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Bagan Dalam untuk turut sama dalam sesi perbahasan hari ini.

1. MEMPERJUANGKAN INTEGRITI DALAM ARENA POLITIK

Dato' Yang di-Pertua,

Sejak PRU ke-14, negara kita sudah melihat gelombang baharu yang berupaya menumbangkan kerajaan Barisan Nasional setelah lebih 60 tahun di puncak kuasa. Namun, arena politik negara kita tidak pernah sunyi daripada pasang surut persaingan kuasa sesama ahli politik. Pertelingkahan yang tidak berkesudahan ini menyebabkan Pakatan Harapan tumbang dan digantikan dengan koalisi baharu Perikatan Nasional. Dalam jangka masa 4 tahun, kita sudah mempunyai tiga orang Perdana Menteri dan beberapa buah negeri sudah bertukar kerajaan, sama ada secara pilihanraya negeri (PRN) mahupun hilang majoriti sokongan oleh ahli DUN mereka sendiri.

Masalah ini jika diperhalusi berpunca daripada praktik lompat parti untuk menyelamatkan diri masing-masing supaya golongan-golongan ini kekal berada dalam tampuk pemerintahan kerajaan. Isu ketirisan, politik wang, rasuah dan masalah integriti mula berlegar seiring dengan kegiatan lompat parti ini. Apabila blok kerajaan dan pembangkang bersepakat untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik pada September 2021 yang lalu, rang undang-undang Anti-Lompat Parti telah pun dipersetujui untuk digubal di peringkat Parlimen. Namun, respon sesetengah pemimpin parti politik dalam negara kita agak hambar berkenaan RUU ini dan seolah-olah semangat MoU ini sudah mula luntur dalam kalangan ahli politik negara kita.

Dato' Yang di-Pertua,

Bagi mengubah budaya politik tidak sihat sebegini, ia memerlukan semangat politik (*political will*) yang sangat tinggi daripada semua pihak. Masalah politik di peringkat Persekutuan perlu

diatasi dengan mengambil semangat politik yang diamalkan di Pulau Pinang. Seperti semua sedia maklum, sejak 2012, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sudah melakukan beberapa agenda pembaharuan yang dapat dilihat melalui **Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2012** yang menyekat seseorang wakil rakyat daripada melompat parti. Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang juga telah meluluskan **Rang Undang-undang (RUU) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2018** untuk mengehadkan tempoh jawatan Ketua Menteri kepada dua penggal sahaja. Reformasi ini dilakukan untuk melicinkan lagi pentadbiran di negeri Pulau Pinang ini.

Oleh itu, sebagai warga yang bertanggungjawab, kita harus menunjukkan sokongan kita terhadap usaha penggubalan RUU Akta Anti-Lompat Parti dan juga usaha-usaha lain seperti cadangan mewujudkan Akta Pendanaan Politik agar politik negara kita kekal stabil dan bersih.

2. KESELAMATAN MAKANAN

Setelah dunia diuji dengan wabak pandemik Covid-19, kita dikejutkan pula dengan konflik antara Ukraine dan Rusia di benua Eropah. Kedua-dua krisis kesihatan dan keamanan serantau ini memburukkan lagi keselamatan bekalan makanan global. Berdasarkan statistik **Food and Agriculture Organization (FAO)**, harga makanan seluruh dunia telah melambung sejak tahun 2022, manakala **Indeks Harga Makanan** telah mencecah **159.7** pada bulan **Mac**, iaitu kenaikan sebanyak **17.7%** berbanding dengan bulan **Januari**. Kadar kenaikan indeks tersebut adalah **paling mendadak** sejak wujudnya indeks tersebut pada tahun 1990.

Krisis Rusia-Ukraine merupakan mangkin yang menambah buruk kenaikan harga makanan kerana kedua-dua negara merupakan pengeksport makanan utama di dunia. Ukraine dan Rusia menyumbang lebih daripada 60 peratus daripada minyak bunga matahari dalam pasaran dunia dan merupakan pengeksport gandum dan barli utama. Sejak konflik berlaku, bekalan hasil pertanian semakin kekurangan, maka harga minyak goreng dan harga bijirin meningkat secara mendadak. Kesan ini turut dirasakan di negara kita apabila harga makanan mula meningkat sekaligus kos sara hidup rakyat semakin tinggi. Hal ini juga akan memburukkan lagi isu-isu kemiskinan, malnutrisi dan masalah-masalah sosial yang lain.

Bagi berhadapan dengan cabaran ini, Bagan Dalam ingin mencadangkan beberapa mekanisme untuk mengawal penawaran bekalan makanan di negeri Pulau Pinang:

- (i) Jabatan Pertanian Pulau Pinang perlu memastikan keperluan makanan negeri mencukupi dan mencapai *Self Sufficient Level (SSL)* yang optimum bagi setiap tanaman makanan dengan memastikan produktiviti dan pengeluaran hasil tanaman makanan dipertingkatkan secara mampan agar dapat menjamin bekalan makanan negeri.
- (ii) Program Tabung Usahawan Tani (TUT) perlu diupayakan untuk membantu golongan petani, penternak dan nelayan bagi memulihkan dan meningkatkan produktiviti perusahaan masing-masing. Program skim pinjaman mikro kredit seperti ini memberi peluang kepada usahawan tani untuk membuat pinjaman tanpa faedah dan sektor pertanian akan mula merancang bagi meningkatkan lagi bekalan makanan negeri.

KESIMPULAN

Dato' Yang di-Pertua,

Dalam kita berhadapan dengan situasi global yang tidak menentu, kestabilan merupakan kunci kepada kejayaan dan keberkesanan setiap aspek pentadbiran negara. Justeru, adalah penting untuk kita berusaha mengekalkan kestabilan pentadbiran dan mula bekerja keras untuk rakyat dengan memperkenalkan dasar-dasar yang lebih inklusif dan afirmatif agar kesan krisis global dapat dikurangkan dalam negara kita.

Sesungguhnya, krisis yang sedang kita hadapi ini bukanlah sesuatu perkara yang boleh kita pandang enteng. Sekiranya ia tidak ditangani dengan baik, maka kesan yang dirasai akan jauh lebih buruk bukan sahaja kepada kita, malah generasi-generasi akan datang. Oleh itu, Bagan Dalam ingin menyeru seluruh ahli Dewan untuk sama-sama berfikir dan bekerja untuk rakyat secara lestari agar hasil usaha kita dapat dituai pada hari ini, esok dan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Mohamad Aqriel Shazwan

N09 Bagan Dalam

Sidang Muda 2022 Penggal Pertama